



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)JR/8/2021**

Tajuk Sebut Harga :

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN TEMPAT  
LETAK KERETA (TLK) TAMBAHAN SEMENTARA BAGI KAWASAN  
PEMBANGUNAN PERUMAHAN BERDENSITI TINGGI ZON 3 (PLOT 5T5, PRESINT 5)  
PUTRAJAYA UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA.**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Untuk Gred G3, Kategori : CE – Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor / Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **22 April 2021 (Khamis)** hingga **27 April 2021 (Selasa)** dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM50.00** di **Aras 1, Bahagian Perolehan dan Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya.**
3. Kontraktor dikehendaki membawa dokumen-dokumen **Asal** dan **satu (1) salinan** sijil yang berkaitan. Wakil-wakil kontraktor adalah **diwajibkan** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh **Pemilik Syarikat** untuk membeli dokumen sebut harga.
4. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas tidak lewat dari jam **12.00** tengahari pada **3 Mei 2021 (Isnin)**.

**( DATO' FADLUN MAK UJUD )**  
Naib Presiden  
Jabatan Perancangan Bandar  
Perbadanan Putrajaya.